

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

21 OGOS 2016

AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	PELAJAR JEPUN BELAJAR BUDAYA RAKYAT MALAYSIA	2
SINAR HARIAN	BERI TUMPUAN INDUSTRI PELANCONGAN	3



SINAR HARIAN

SH 21/8/16

Pelajar Jepun belajar budaya rakyat Malaysia



Pelajar Jepun dan warga SM Dato Penggawa Timur berpeluang mengabadikan kenangan bersama.



Pelajar Jepun berpeluang mencuba permainan congkak.

JOHOR BAHRU - Seramai 22 pelajar Jepun diperkenalkan dengan budaya masyarakat negara ini sempena program Pengantarabangsaan Malaysia dan Jepun.

Pelajar terabit berkesempatan singgah di Sekolah Menengah (SM) Dato Penggawa Timur, Pasir Gudang sambil mencuba pelbagai aktiviti diadakan.


Pengetuaanya, Abdul Halil Abu Bakar berkata, pihaknya teruja menyambut tetamu dari Jepun selain dapat mendedahkan budaya tradisional masyarakat di sini kepada orang luar.

"Kami menyediakan lima stesen untuk memperkenalkan budaya Malaysia, iaitu stesen baju tradisional, stesen makanan serta minuman yang menyediakan hidangan teh tarik dan demonstrasi membuat kuih abuk-abuk.

"Turut disediakan permainan muzik gamelan yang diserikan dengan sudut permainan tradisional congkak dan batu seremban, diikuti sudut kaligrafi Cina serta sudut canting batik," katanya.

Beliau berkata, meskipun ia tidak dapat menggambarkan keseluruhan budaya masyarakat Malaysia, namun diharap pelajar terabit membawa pengalaman manis apabila pulang ke negara mereka.

"Kami juga secara simbolik menandatangani satu memorandum persefahaman bagi memastikan hubungan baik yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.



SINAR HARIAN

21/8/16

Beri tumpuan industri pelancongan

UniKL Mitec pilih Kampung Perigi Aceh sebagai lokasi pembangunan sosioekonomi penduduk

■ SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG - Sebagai usaha meningkatkan perkembangan sosioekonomi penduduk setempat, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Mitec menerusi program Duta Jauhar 3.0 bercadang menaikkan industri rumah inap dan lokasi pelancongan di Kampung Perigi Aceh, di sini.

Pengarah program, Ahmad Fakhruddin Ahmad Dailami berkata, program memasuki fasa pertama itu dikenali sebagai Home Visit Kampung Perigi Aceh, memfokuskan perkembangan industri pelancongan menerusi tarikan unik di kampung itu sekali gus membuka sumber pendapatan baharu bagi penduduk di sana.

Menurutnya, program itu juga diadakan bagi memupuk

minat penduduk kampung untuk mencari inisiatif lain bagi memperoleh sumber pendapatan selain hanya tertumpu dalam sektor perikanan.

"Sejiraman masyarakat tahu, kampung ini terkenal dengan aktiviti relayan dan pencarian hasil laut. Boleh dikatakan hampir keseluruhan penduduk tetapi di sini menjalankan aktiviti ini sejak beberapa dekad lalu.

"Namun, disebabkan faktor kegiatan perindustrian yang sedang pesar berjalan di sekitar kawasan ini mengakibatkan penurunan sumber pendapatan mereka. Ini kerana kawasan laut terjejas dengan pencemaran seperti gos meningkatkan pengangguran kalangan anak muda di sini."

"Oleh itu, tujuan utama kami ingin beri dorongan kepada mereka supaya cuba se-



Penduduk tempatan melakukan aktiviti Jungle Trekking yang dirangka UniKL Mitec menerusi program tersebut.

suatu yang baru memandangkan kawasan ini kaya hasil alam seperti paya bakau," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran program itu, semalam.

Ahmad Fakhruddin berkata, kekayaan hasil semula jadi di kampung itu juga dilihat ber-

potensi dijadikan jenama dan tarikan khusus kepada para pelancong tidak kira dalam dan luar negara.

"Sebelum ini, kami difahamkan program seperti ini sudah dijalankan malah perkhemahan kepada sekolah-sekolah dan agensi di seluruh Johor.

perkhemanan kepada sekolah-sekolah dan agensi di seluruh Johor.

"Tetapi disebabkan faktor modal dan kurangnya perdedahan kepada penduduk kampung, projek ini terpaksa dihentikan. Jadi usaha kami untuk kembalikan semula ta-

rikan yang ada dan hidupkan kegiatan pelancongan di kawasan ini," katanya.

Katanya, pihaknya juga turut mensiasarkan penyebaran ilmu kepada para pelancong khususnya mengenai tumbuhan dan spesies hidupan paya bakau.

